

21/02/2003

Penggunaan dolar mungkin dikurang: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedang mengkaji kemungkinan mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam perdagangan luarnya.

Perdana Menteri berkata, ia boleh dilaksanakan dengan menggunakan mata wang sama ada euro, yen atau dinar emas sebagai alternatif.

"Akan tiba satu masa yang mana orang ramai tidak mahu lagi menggunakan dolar Amerika dalam urusan perdagangan mereka, dan kita sedang bersiap sedia untuk menghadapi situasi itu," katanya dalam temubual eksklusif dengan agensi berita asing, AP.

Dalam temu bual itu juga, Dr Mahathir mengecam tindakan negara Barat mengeluarkan amaran perjalanan terhadap negara Asia Tenggara kerana tiada maklumat kukuh yang membuktikan kemungkinan berlaku serangan penganas di rantau ini.

"Tindakan keganasan boleh berlaku di mana saja, ia tidak terbatas di sesetengah kawasan saja," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan Malaysia mengesan sebarang kemungkinan serangan penganas akan berlaku di rantau ini, beliau berkata: "Tidak, kita tidak mengesyaki serangan penganas akan berlaku di sini, justeru, kita hairan bagaimana sesetengah negara boleh membuat andaian bahawa akan ada serangan penganas dan menasihatkan rakyat mereka supaya tidak mengunjungi negara tertentu atas sebab itu".

Beliau turut ditanya mengenai keretakan hubungan Malaysia dengan negara jirannya, Singapura serta isu Korea.

Dr Mahathir menyalahkan sikap 'kedekut' Singapura yang mengakibatkan berlaku banyak pertikaian antara kedua-dua negara sejak beberapa tahun lalu.

"Kita sudah cuba bertolak ansur bagi meredakan ketegangan itu, tetapi Singapura terus melakukan perkara yang tidak kita senangi," katanya.

Mengenai isu Korea, Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia membantu menjayakan perbincangan di antara Amerika Syarikat dan Korea Utara sempena

Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM), minggu ini.